



## SIARAN MEDIA

### **Pahang Komited Untuk Melindungi Koridor Harimau Belang di Sungai Yu**

**4 Disember 2019, Kuala Lumpur:** MYCAT, satu perikatan antara NGO dalam pemuliharaan harimau belang, memuji Kerajaan Negeri Pahang di atas keputusannya untuk mewartakan hutan seluas 128 hektar sebagai Hutan Simpan Kekal dan menutup Laluan Persekutuan 8 yang lama untuk membendung kegiatan haram di Koridor Ekologi Sungai Yu (KESY). Keputusan ini menyokong usaha Jabatan Perhutanan Pahang, PERHILITAN dan MYCAT di koridor sejak tahun 2010 dan memperlihatkan komitmen Kerajaan Negeri Pahang dan Menteri Besar untuk melindungi Harimau Malaya seperti yang dinyatakan dalam Pelan Induk *Central Forest Spine* dan Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan.

KESY adalah kawasan hutan terpenting yang masih menghubungkan dua lanskap hutan terbesar di Malaysia, iaitu Banjaran Titiwangsa dan Taman Negara. Harimau dan hidupan liar lain terdedah kepada ancaman di koridor ini kerana kebanyakan hutan tidak dilindungi. Walaupun dengan pembinaan eko-viaduct yang bernilai RM60 juta sebagai lintasan hidupan liar, koridor ini tidak terkecuali daripada penebangan hutan dan pengeluaran hasil hutan bukan kayu secara haram. Di bahagian utara dan selatan KESY, guna tanah telah ditukar kepada perladangan getah dan kelapa sawit. Sistem sungai di sini merupakan kawasan tadahan air penting bagi penduduk yang menetap di hilir, namun disebabkan kekurangan penguatkuasaan, kegiatan mengebom ikan dan perlombongan emas telah berlaku secara haram di Sungai Yu.

Sejak pembinaan Lebuhraya Utama Tengah tamat pada tahun 2014, MYCAT telah melaporkan kepada pihak berkuasa kesan-kesan kegiatan haram yang berlaku di sepanjang jalan lama termasuklah pembukaan tanah, pemburuan haram, perlombongan dan pencerobohan ke Taman Negara dan Hutan Simpan Kekal. Kenderaan dan peralatan penyelidikan MYCAT juga telah dirosakkan. Disebabkan oleh itu, MYCAT setelah sekian lama menyokong usaha perlindungan undang-undang dan guna-tanah mesra hidupan liar di KESY.

Keberkesanan dan keupayaan KESY untuk berfungsi sebagai sebuah koridor ekologi terganggu kerana tanah berhakmilik berhampiran KESY terus diusahakan untuk pertanian, sedangkan usaha perlindungan hutan dan pemuliharaan dalam pelaksanaan di KESY, di mana keadaan ini dilihat sebagai cabaran utama. Tindakan yang tidak seimbang ini menjejaskan usaha dan pelaburan jutaan ringgit sepanjang dekad lalu oleh Kerajaan Persekutuan, Jabatan Perhutanan Pahang, PERHILITAN, MYCAT dan agensi kerajaan lain untuk memulihara KESY untuk Harimau Malaya.

Untuk itu, MYCAT mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Pahang dan Menteri Besar untuk membentuk satu badan pengurusan yang terdiri daripada jabatan-jabatan kerajaan dan MYCAT di bawah kepimpinan EXCO atau Unit Perancang Ekonomi Pahang khusus untuk KESY.

Kejayaan projek Eko-viaduct yang bernilai RM60 juta ini bergantung kepada tindakan segera kerajaan. Kami berharap untuk memberikan kerjasama kepada Kerajaan Negeri Pahang untuk menjadikan KESY sebagai pusat pemuliharaan yang cemerlang demi menyelamatkan Harimau Malaya.

TAMAT



Hutan yang tidak dilindungi di sepanjang jalan lama di KESY terus diancam. Hutan yang terletak berdekatan dengan eko-viaduct ini telah dibuka sejak bulan Mac 2019 secara haram di sebelah barat dan secara sah di sebelah timur jalan (ditunjukkan di sini).